

19/01/2001

Globalisasi kena ambil kira negara miskin: PM

Karim Sulaiman in Osaka

OSAKA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, globalisasi yang diamalkan sekarang tanpa mengambil kira kepentingan negara kecil dan miskin, hanya menguntungkan negara kaya dan berkuasa.

Perdana Menteri berkata, bentuk globalisasi yang ditaja Barat, tidak membawa banyak faedah kepada negara kecil dan miskin kerana mereka tidak mampu bersaing dengan negara kaya dan berkuasa.

Selain itu, katanya, globalisasi yang dijalankan secara mendadak menyebabkan sesetengah negara dan rakyatnya tidak bersedia untuk menghadapinya.

"Konsep globalisasi sekarang lebih banyak memusnahkan daripada membawa faedah.

"Globalisasi perlu dijalankan secara perlahan dan berperingkat mengikut kemampuan dan tahap pembangunan sesebuah negara.

"Perubahan yang ingin dicapai sekelip mata melalui konsep itu lebih banyak membawa kemusnahan daripada kebaikan," katanya dalam sesi perbincangan di Simposium Antarabangsa Mainichi sempena memperingati Kempen Bangkitlah Kansai di Pusat Konvensyen Kansai di sini, petang ini.

Empat panel lain yang turut dalam sesi itu ialah Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan; Duta Korea Selatan di Jepun, Choi Sang-Yong; bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Jepun, Taichi Sakaiya dan Presiden NTT Jepun Barat, Kazuo Asada.

Kira-kira 500 ahli korporat dan perniagaan Jepun menghadiri seminar sehari itu. Sebelum itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan bertajuk Mengalakkan Pemahaman Di Antara Asia dan Jepun, khususnya Kansai.

Perdana Menteri berkata, globalisasi juga perlu mengambil kira kesannya kepada negara lemah seperti dari segi teknologi dan kewangan.

Menurutnya, negara kecil dan lemah perlu diberi kelebihan lain atau kelonggaran bagi membolehkan mereka bersaing secara adil dalam dunia globalisasi.

"Kita tidak boleh membiarkan negara kecil dan lemah yang serba kekurangan bersaing dalam dunia globalisasi. Mereka sudah tentu ketinggalan.

"Apa yang berlaku sekarang ialah globalisasi lebih banyak memberi kelebihan kepada negara kaya dan berkuasa untuk menindas negara kecil dan miskin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, corak globalisasi juga perlu lebih demokrasi dan tidak dikuasai oleh beberapa negara saja.

Menurutnya, apa yang berlaku sekarang ialah banyak pertubuhan antarabangsa dan Bank Dunia dikuasai oleh beberapa negara dan tidak memikir untuk berkongsi kuasa dengan negara lain.

Sementara itu, Perdana Menteri malam ini menghadiri majlis sempena penerbitan dua bukunya yang dikeluarkan oleh akhbar The Mainichi, Jepun.

Buku itu yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan tajuk Reflections On Asia dan Message To Japan dalam bahasa Jepun, adalah kumpulan rencana yang ditulis beliau dalam akhbar Mainichi.

Dr Mahathir berkata, penerbitan buku itu adalah baik kerana rakyat Jepun dapat membaca dan mendengar sendiri mengenai Malaysia daripada beliau.

Katanya, sebelum ini rakyat Jepun lebih banyak mendapat berita yang diambil daripada agensi berita asing, khususnya Barat.

"Media Barat menyiarkan berita yang buruk mengenai Malaysia hingga orang Jepun takut untuk melabur di Malaysia. Mereka tidak menulis berita sebenar

dan tepat mengenai Malaysia.

"Dengan adanya buku ini, rakyat Jepun dapat membuat penilaian sendiri sama ada benar atau tidak apa yang diperkatakan oleh media Barat," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menghadiri jamuan yang diberikan oleh akhbar Mainichi.

Esok, Perdana Menteri akan melawat kilang Sharp Liquid Crystal, Kolej Elektro-Komunikasi Osaka dan berdialog dengan pelajar Malaysia di Kansai.

(END)